

Disember 1, 2024

Dan kiranya Tuhan menjadikan kamu bertambah-tambah dan berkelimpahan dalam kasih seorang terhadap yang lain dan terhadap semua orang, sama seperti kami juga mengasih kamu.

Kiranya Dia menguatkan hatimu, supaya tak bercacat dan kudus, di hadapan Tuhan dan Bapa kita pada waktu kedatangan Yesus, Tuhan kita, dengan semua orang kudus-Nya.

Tesalonika 3: 12-13

www.heraldmalaysia.com

Dua pemuda Katolik, bakal Santo untuk Jubli 2025

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus membuat pengumuman mengejutkan pada November 20, bahawa Beato Carlo Acutis dan Beato Pier Giorgio Frassati, dua orang muda Katolik yang dikasihi kerana iman mereka yang menyerlah dan kekudusan mereka, akan dikanonisasi semasa dua perayaan jubli utama yang didedikasikan untuk golongan muda.

Pengumuman menggembirakan itu dibuat pada akhir audiensi umum mingguan Sri Paus, di Dataran Sto Petrus, yang juga jatuh pada Hari Kanak-Kanak Sedunia.

Jurucakap Vatikan, Matteo Bruni kemudiannya mengesahkan bahawa kanonisasi Carlo Acutis akan berlaku semasa Jubli Remaja Gereja yang berlangsung pada April 25–27, 2025, dan kanonisasi Pier Giorgio Frassati akan berlangsung semasa Jubli Belia dari Julai 28 - Ogos 3, 2025.

Menurut Keuskupan Assisi, Misa kanonisasi Carlo Acutis dijangka berlangsung pada hari Ahad, April 27, jam 10.30 pagi waktu tempatan di Dataran Sto Peter. Kedua-dua bakal orang kudus itu sesungguhnya sangat dikasihi oleh ramai orang muda Katolik yang bersemangat mahu meneladani kekudusan mereka.

Kedua-dua kanonisasi itu juga dijangka membawa ramai orang muda ke Kota Abadi pada tahun 2025 untuk Jubli Harapan Gereja Katolik.

Carlo Acutis: orang kudus milenium pertama

Carlo Acutis, seorang remaja pengekod komputer Itali yang meninggal dunia akibat kanser pada tahun 2006, terkenal dengan pengabdian mendalamnya terhadap kehadiran sebenar Yesus dalam Ekaristi.

Dilahirkan pada tahun 1991, Carlo merupakan santo milenium pertama yang dibeatifikasi dalam Gereja Katolik. Tidak lama selepas Komuni pertamanya pada usia tujuh tahun, Carlo memberitahu ibunya: "Inilah rancangan hidup saya iaitu untuk sentiasa bersatu dengan Yesus."

Untuk mencapai matlamat ini, Carlo berusaha untuk menghadiri Misa harian seberapa kerap yang boleh di Gereja yang terletak di seberang jalan dari sekolah rendahnya di Milan. Carlo mengatakan Ekaristi adalah "laluan ke syurga" dan dia melakukan semua yang terdaya agar ramai orang tahu kehadiran Yesus dalam Ekaristi.

Kesaksian Carlo memberi inspirasi kepada ibu bapanya sendiri untuk kembali mengamalkan iman Katolik dan dibaptis.



Sri Paus Fransiskus mengumumkan bahawa Beato Carlo Acutis akan dikanonisasi pada Tahun Jubli 2025.

Carlo Acutis ialah seorang kanak-kanak yang mahir teknologi, menyukai komputer, haiwan dan permainan video. Penasihat rohani Carlo mengatakan bahawa Carlo percaya bukti mukjizat Ekaristi terjadi apabila kita membantu orang ramai menyedari bahawa Yesus hadir pada setiap Misa.

Sepanjang dua tahun setengah, Carlo dengan keluarganya merancang sebuah pameran tentang keajaiban Ekaristi yang diadakan pada tahun 2005 semasa Tahun Ekaristi yang disyorkan oleh Sri Paus Yohanes Paulus II.

Pameran mukjizat Ekaristi itu telah dipamerkan di ribuan paroki, di lima benua. Ramai rakan sekelas, sabahat dan ahli keluarga Carlo telah memberi kesaksian bagaimana dia membawa mereka lebih dekat kepada Tuhan.

Carlo, seorang yang sangat terbuka dan tidak segan bercakap dengan rakan sekelasnya dan sesiapa sahaja yang dia temui tentang perkara yang dia suka iaitu Misa, kehadiran Yesus dalam Ekaristi, dan syurga.

Dia diingati kerana berkata: "Orang yang menempatkan dirinya di bawah matahari mendapat kulit sawo matang; orang yang menempatkan diri mereka di hadapan Ekaristi, menjadi orang kudus."

Carlo meninggal dunia pada usia 15 tahun pada 2006, sejurus selepas disahkan menghidap leukemia. Sebelum meninggal

dunia, Carlo memberitahu ibunya, "Saya mempersembahkan semua penderitaan saya kepada Tuhan untuk Sri Paus dan untuk Gereja agar tidak ke api penyucian tetapi terus ke syurga."

Beribu-ribu orang melawat makam Carlo Acutis di Assisi selepas beatifikasinya di Basilika St Francis of Assisi pada Oktober 10, 2020. Sejak beatifikasinya, banyak sekolah Katolik dari pedalaman Australia hingga ke England telah mengambil nama Carlo Acutis. Bapa Suci Fransiskus, dalam pesannya untuk Hari Belia Seduia, menggalakkan orang muda untuk meniru Carlo Acutis dalam menghayati "anugerah besar Ekaristi".

Pier Giorgio Frassati: Beato lapan sabda bahagia

Pier Giorgio Frassati, meninggal dunia pada usia 24 tahun pada tahun 1925, juga disayangi oleh ramai orang dewasa ini kerana kesaksianya yang mengagumkan.

Berasal dari Turin, Itali, Pier merupakan seorang pendaki gunung dan menyertai Ordo Ketiga Dominican yang terkenal dengan usaha amalnya.

Dilahirkan pada Sabtu Suci, April 6, 1901, Pier adalah anak kepada pengasas dan pengarah akhbar Itali, *La Stampa*. Pada usia 17 tahun, beliau menyertai Persatuan St Vincent de Paul dan mendedikasikan banyak masa lapangnya untuk melayani golongan miskin, gelandangan dan orang sakit serta anggota tentera yang bersara dari Perang Dunia I.

Pier juga terlibat dalam Kerasulan Doa dan Tindakan Katolik. Dia mendapat kebenaran untuk menerima Komuni setiap hari. Pada gambar pendakian terakhirnya, Pier menulis frasa "*Verso L'Alto*" yang secara harfiah bermaksud "menuju ke puncak".

Frasa tersebut telah menjadi moto bagi umat Katolik yang diilhamkan oleh Frassati untuk berusaha mencapai puncak kehidupan kekal bersama Kristus. Pier meninggal dunia akibat polio pada Julai 4, 1925. Kemungkinan besar, beliau terkena polio semasa melayani orang sakit.

Yohanes Paulus II, semasa membeatifikasikan Pier pada tahun 1990, menggelarnya sebagai "pemuda lapan ucapan bahagia" dan "pemuda yang sangat kagum dengan misteri Tuhan serta benar-benar berdedikasi dalam melayani sesama."

Vatikan masih belum mengumumkan pengiktirafan keajaiban kedua yang dikaitkan dengan Pier, yang membolehkan kanonisasinya. Pengesahan keajaiban dari Vatikan, bersama-sama dengan pengumuman tarikh Misa kanonisasi Pier Frassati, dijangka akan diumumkan kelak. CNA



Pier Giorgio Frassati dibeatifikasi oleh Sri Paus Santo Yohanes Paulus II pada tahun 1990.

Pembukaan Alkitab menawarkan kepada kita satu siri cerita yang menceritakan permulaan sejarah, untuk menjelaskan mengapa dunia hari ini seperti apa adanya. Kisah Adam dan Hawa tentang dosa asal adalah salah satu kisah itu. Ada juga kisah lain.

Oleh kerana kisah-kisah ini menggunakan gambaran, maka ia kelihatan seperti cerita dongeng, malah seperti fantasi kepada kita, tetapi ia adalah cerita yang sangat benar. Ia benar-benar berlaku.

Ia berlaku kepada lelaki dan wanita pertama di planet ini, dan ia terus berlaku hari ini dengan cara yang mempengaruhi setiap lelaki dan wanita sepanjang sejarah. Ia adalah kisah hati, bukan bermaksud untuk diam-bil secara literal, tetapi membawa pengajaran untuk hati.

Salah satu cerita “pada mulanya”, asas, pola dasar, ialah kisah Menara Babel. Dalam bahasa sehari-hari, kisah ini mungkin berbunyi seperti ini: *Pada mulanya (sebelumnya zaman seperti sekarang) terdapat sebuah bandar bernama Babel yang memutuskan ia akan mencipta nama dengan membina sebuah menara yang sangat mengagumkan sehingga semua bandar lain perlu mengaguminya.*


Mereka mula membina menara itu, tetapi sesuatu yang pelik berlaku. Semasa mereka membinanya, tiba-tiba mereka semua mula bercakap bahasa yang berbeza, tidak lagi dapat memahami satu sama lain, dan berselerak di seluruh dunia, masing-masing kini bercakap dalam bahasa yang tidak dapat difahami oleh orang lain.

Apakah pengajaran cerita ini? Adakah kisah itu bertujuan untuk menerangkan asal usul bahasa yang berbeza di dunia? Tidak, sebaliknya ia bertujuan untuk menjelaskan perselisihan faham yang mendalam dan seolah-olah tidak dapat didamaikan dalam kalangan kita. Mengapa kita terus menerus mengalami salah faham antara satu sama lain?

Terdapat pelbagai versi cerita ini yang boleh digunakan untuk menjelaskan perpecahan dalam dunia kita hari ini.

“The Atlantic” yang diterbitkan pada tahun lepas oleh ahli psikologi sosial Jonathan Haidt menyatakan bahawa mungkin tiada metafora yang lebih baik untuk menerangkan perpecahan di kalangan kita hari ini selain Menara Babel.

Katanya, media sosial adalah bertujuan



untuk menghubungkan kita, bukan sahaja dengan rakan dan keluarga kita tetapi dengan orang dari seluruh dunia namun.

Namun ia telah membawa kepada pemecahan radikal masyarakat kita dan kepada kehancuran semua yang kelihatan kukuh, orang yang pernah menjadi komuniti menjadi berselerak!

Sebagai contoh apa yang terjadi di Amerika. Kita mungkin masih bercakap dalam bahasa yang sama tetapi media sosial dan ruang gema berita telah membekalkan kita set faktta, nilai dan visi berbeza yang menjadikan perbualan mudah menjadi mustahil.

Lihat ketegangan yang berlaku baru-baru ini di sekitar pilihan raya Presiden AS, sebagai masyarakat terbukti kita tidak lagi bercakap bahasa yang sama kerana kita tidak lagi dapat memahami satu sama lain dalam hampir setiap isu utama — pemanasan global, imigresen, kemiskinan, jantina, kesihatan, pengguguran, praktik beragama di ruang awam, siapa yang benar, dan, yang paling penting, apakah kebenaran itu.

Kita tidak lagi berkongsi pengertian bersama. Sebaliknya, kita semua mempunyai pengertian kita sendiri, bahasa individu kita

sendiri. Seperti kata pepatah popular, “saya telah melakukan penyelidikan sendiri! Saya tidak mempercayai sains. Saya tidak mempercayai mana-mana kebenaran arus perdana. Saya mempunyai rujukan saya sendiri.”

Dan rujukan itu terlalu banyak untuk dikira! Beratus-ratus saluran televisyen, *podcast* yang tidak terkira dan berjuta-juta orang memberi kita versi idiosinkratik mereka di media sosial sehingga banyak keraguan tentang fakta atau kebenaran.

Ini menyebabkan kita terbahagi di setiap peringkat: keluarga, kejiran, Gereja, negara, dan dunia. Semua kita, kini bercakap bahasa yang berbeza dan seperti penduduk asal Babel, sedang tersebar di seluruh dunia.

Berdasarkan hal ini, kita patut menghayati pengajaran kudus pada hari Pentakosta se-perti yang diceritakan dalam kitab suci.

Kisah para Rasul menggambarkan Pentakosta, kedatangan Roh Kudus, sebagai peristiwa yang bertentangan dengan apa yang berlaku di Menara Babel.

Di Menara Babel, bahasa (lidah) bumi terbahagi dan berselerak. Pada Pentakosta, Roh Kudus turun ke atas setiap orang sebagai “lidah api” sehingga, terjadi peristiwa

mengejutkan di mana semua orang dapat memahami bahasa-bahasa aneh yang dituturkan.

Sekali lagi, apa yang diterangkan di sini bukanlah tentang bahasa pertuturan manusia. Pada malam Pentakosta, semua orang tiba-tiba memahami bahasa Yunani atau Latin. Malah, mereka memahami bahasa orang lain meskipun tidak bertutur dalam bahasa tersebut. Semua pertuturan menjadi satu bahasa.

Apakah bahasa itu? Ia bukan bahasa Yunani, Latin, Inggeris atau Perancis atau Sepanyol atau Yiddish atau Cina atau Arab, mahupun mana-mana bahasa pertuturan dunia. Ia juga bukan bahasa golongan konservatif atau liberal.

Ia adalah, seperti yang Yesus dan diterangkan dalam kitab suci, ia adalah bahasa amal kasih, kegembiraan, kedamaian, kesabar, kebaikan, kesetiaan, kelelahan lembutan, iman dan kesucian.

Ini adalah satu-satunya bahasa yang boleh menghindarkan salah faham dan perbezaan di kalangan kita – dan apabila kita bercakap, kita tidak akan cuba membina menara untuk menarik perhatian sesiapa. **Hakcinta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser**

Penantian itu suatu kehidupan

Dalam pembacaan pertama, Yeremia menegaskan, bahawa Tuhan akan memenuhi janji-Nya untuk membawa ketenteraman bagi umat-Nya, sama ada di Israel maupun di Yuda.

Ketenteraman dan damai itu akan menjadi kenyataan dengan kedatangan Almasih. Dan dalam Injilnya hari ini, Lukas mewartakan kepada kita, bahawa di samping kedatangan Almasih, yang terlaksana dalam kedatangan Yesus Kristus pada akhir zaman.

Memang kedatangan kedua Kristus ini dilukiskan dengan bahasa kiasan bagaiakan peristiwa bencana alam. “Akan tampak tanda-tanda pada matahari, pada bulan dan bintang dan pada bumi.

Bangsa-bangsa di bumi akan ketakutan dan bingung menghadapi deru dan gelora laut. Orang akan mati ketakutan karena cemas berhubung dengan segala sesuatu yang menimpa bumi ini.

Pada waktu itu orang akan melihat Anak Manusia datang dalam awan dengan segala kekuasaan dan kemuliaan-Nya.”

Tetapi isi perwartaan yang ingin disampaikan kepada kita dalam Injil itu sebenarnya adalah khabar gembira, berita hiburan dan harapan.

Yesus meyakinkan kita bahawa kita diciptakan Tuhan bukan tanpa tujuan. Kita dicipta oleh Tuhan untuk bertemu dengan Dia, yang

telah menciptakan kita menurut citra-Nya sendiri. Dia menciptakan kita kerana kasih-Nya dan Dia mengasih kita jauh lebih kuat dan hangat daripada kasih bapa dan ibu kita sendiri!

Dari satu sisi, kita harus akui bahawa sebagai orang Kristian dan melalui sejarah, kita tahu kita tidak terlepas daripada suatu masa penantian yang panjang dan lama.

Sebelum Kristus datang, kedatangan-Nya sangat dinanti-nantikan. Dan sesudah Dia datang dua puluh abad yang lalu, kita masih menantikan kedatangan-Nya kembali pada akhir zaman kita.

Dengan latar belakang inilah, makna masa Adven ini sangat perlu untuk kita fahami agar kita benar-benar memahami pesan Tuhan tentang tujuan hidup kita sebagai orang Kristian sejati.

Hidup kita pada hakikatnya adalah suatu penantian. Ibaratnya, seorang wanita yang sedang mengandung adalah seseorang yang menantikan kelahiran anaknya.

Di satu sisi, kita harus bersabar dan menunggu lama kerana yang kita harapkan belum juga datang. Maka, sungguh merugikan diri kita sendiri apabila kita tidak menantikan sesuatu apa pun bagi diri kita, baik sekarang maupun kelak!

Orang yang tidak menantikan apa pun dalam hidupnya, ibaratnya adalah orang yang

mati! Sebab hidup adalah penantian, harapan. Dan penantian adalah suatu kehidupan!

Bagaimanakah kita sebagai orang yang percaya kepada Kristus harus hidup dengan sikap menantikan? Dengan selalu menantikan atau mengharapkan kedatangan Seseorang yang sudah datang dan akan kembali untuk kali kedua.

Pada hari Minggu Adven pertama ini, kita menantikan kedatangan kembali Kristus. Dan pada minggu-minggu yang akan datang, kita akan mendengarkan Yohanes Pembaptis berkata: “*Di tengah-tengahmu ada seseorang yang tidak kamu kenal!*”

Yesus hadir di antara kita bukan hanya dalam sabda, di dalam Ekaristi, di dalam Gereja, di antara sesama kita, Dia juga hadir dalam kalangan orang miskin, mereka yang terabai, dalam kalangan pelarian dan yang sakit! Malah, Dia juga tinggal dan hidup di dalam hati kita. Sedarkah kita akan kehadiran-Nya dalam diri kita?

Sebagai umat Katolik, masa Adven atau waktu penantian bukanlah waktu kosong, jangan sekadar membiarkan tempoh empat minggu Adven ini berlalu tanpa erti.

Dalam Injil hari ini Yesus menerangkan bagaimana kita harus mengisi waktu penantian kita sekarang ini: “*Jagalah dirimu, jangan sampai hatimu sarat dengan pesta pora dan kemabukan serta*

HARI MINGGU PERTAMA ADVEN

**YEREMIA 3:14-16
TESALONIKA 3:12-4:2
INJIL LUKAS 21:25-28.
34-36**

kepentingan-kepentingan dunia. Berjaga-jagalah senantiasa!

Yesus sebagai Penebus telah datang dua puluh abad yang lalu. Kita menantikan kedatangan-Nya yang kedua, khususnya kedatangan-Nya dalam peribadi kita masing-masing. Apakah yang harus kita lakukan dalam mempersiapkan diri untuk kedatangan-Nya itu?

Paulus dalam suratnya yang pertama kepada umat di Tesalonika memberi nasihat apa yang harus mereka lakukan untuk menyambut kedatangan kembali Yesus.

Pertama: menambah kasih terhadap sesama. Kedua: Menjaga kekudusannya di hadapan Tuhan khususnya pada waktu kedatangan Yesus.

Dengan kata lain, kita harus bersedia selalu untuk menyambut kedatangan Yesus sebagai Penebus. **Msgr. F.X. Hadisumarta O. Carm.**

TATAL, Keningau: Seramai 393 orang katekis pembimbing dari seluruh Keuskupan Keningau menyertai Retret Katekis Pembimbing Peringkat Komisi Keuskupan Keningau yang diadakan pada November 8-10, 2024 di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal (RRKKT).

Retret dimulakan dengan Misa Kudus pembukaan yang dipimpin oleh Bapa Uskup Cornelius Piong dibantu oleh Fr Boniface Kimsin, Pembimbing Rohani Komisi Katekikalik Keuskupan Keningau.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius menekankan bahawa katekis pembimbing adalah barisan hadapan dalam tugas mendidik umat, khususnya katekumen, agar mereka dapat mengenal Gereja, Yesus dan ingin mengasihi serta melayani-Nya.

Katekis pembimbing bukan hanya mendidik dengan pengetahuan dan kata-kata mereka tetapi juga dengan teladan atau cara hidup mereka.

"Oleh sebab itu, katekis pembimbing harus berdoa kepada Roh Kudus agar mereka dapat memperkenalkan Kristus dan memberi bimbingan dengan dipimpin oleh



Roh Kudus," jelas prelatus itu.

Prelatus itu turut menambah agar di mana pun para katekis pembimbing melayani, sentiasalah setia kepada ajaran Gereja, mengingati visi dan misi keuskupan dan jangan melayani sendiri, tetapi sentiasa berusaha untuk melayani bersama para

katekis pembimbing yang lain.

Retret yang berlangsung selama tiga hari dua malam itu menyampaikan beberapa sesi katekesis.

Dalam salah satu sesi iaitu sesi soal jawab, berpeluang mengajukan pertanyaan kepada Fr Rudolf Joanes mengenai isu-isu katekumen dan

penyelesaiannya berdasarkan undang-undang Gereja.

Semasa sesi ucapan selepas Misa Kudus penutup yang diselebrangkan oleh Fr Boniface Kimsin, paderi itu berpesan agar para katekis pembimbing mempromosi pelayanan kateketikal dalam kalangan belia,

supaya sentiasa ada pelapis pada masa hadapan.

Fr Boniface mengakhiri ucapannya dengan berkata "Melayanilah dengan berkobar-kobar, bermohonlah selalu bantuan Roh Kudus dan perlilah ke luar, untuk merwartakan Injil." Cyril Kong

Pemberkatan perkuburan Orang Asli di Port Dickson



PORT DICKSON: Hari Para Arwah diperingati oleh Gereja Katolik di seluruh dunia pada setiap November 2.

Sambil memperingati Kehidupan Kekal, biasanya paderi atau katekis mengunjungi serta memberkati kuburan pada hari tersebut.

Upacara pemberkatan perkuburan Orang Asli lewat dijalankan kerana beberapa faktor dan halangan seperti hujan, jalan sukar dilalui kerana berlumpur dan jauh dari kawasan kampung.

KED Gembala baik Orang Asli

berterima kasih kepada paderi paroki *Immaculate Conception* yang baru, Fr Edwin Paul yang bermurah hati datang menjalankan upacara ini.

Upacara ini merupakan satu permauan bagi Fr Edwin Paul untuk mendekatkan diri dan bekerjasama dengan komuniti Orang Asli di Port Dickson.

Selepas upacara pemberkatan dijalankan, KED Orang Asli menjemput Fr Edwin Paul untuk menjamu makanan. **Lourincia CIC PD**

Keluarga di atas bumi seperti di dalam syurga

SANDAKAN: Komisi Pelayanan Hidup Keluarga Keuskupan Sandakan telah mengadakan Seminar Pengayaan Perkahwinan di Katedral St Mary yang bertema, "Keluarga, di atas bumi seperti di dalam syurga".

Komisi itu menjemput Romo Eko Wahyu, OSC dari Keuskupan Bandung, Indonesia sebagai penceramah.

Antara objektif yang diadakan ialah agar pasangan lebih tahu misi mereka sebagai keluarga Katolik, bagaimana menjadi keluarga kudus seperti Keluarga Kudus dari Nazaret dan menghadapi cabaran keluarga pada masa kini.

Romo Eko menyampaikan lima sesi ceramah iaitu "Cinta keluarga", "Vokasi dan Panggilan menuju kekudusian", "Cinta Perkahwinan" (*Nuptial love*), "Mereka kehabisan wain" dan "Perdamaian dan Kesannya kepada pasangan/ keluarga".

Diadakan juga sesi menulis surat cinta kepada pasangan. Mereka yang belum berkahwin pula menulis surat kepada keluarga mereka. **Macshamus Bilcher**



Aksi kecil boleh membawa kebaikan besar kepada orang lain



memberikan yang terbaik kepada Kristus dan orang lain. Paderi itu mengajak umat merenung bagaimana Yesus mengajar kita untuk mengasihi dan memaafkan, walaupun dunia menggalakkan

kita untuk membala dendam.

Fr Albet mengingatkan umat bahawa pengampunan adalah bahagian penting dalam kehidupan Kristian, dan dengan mengasihi orang lain seperti diri sendiri, kita

mengikuti teladan Kristus. Dia juga menekankan bahawa untuk benar-benar mengasihi Tuhan dan sesama, kita mesti menjadi "garam dunia" dan "cahaya dunia", seperti yang ditunjukkan oleh St Martin de Porres dalam hidupnya.

Fr Albet juga berkongsi kisah St Martin semasa kecil yang sukar dan akhirnya diterima untuk menyertai Ordo Dominican. Ke-

hidupan St Martin ditandai dengan kerendahan hati, pelayanan dan kasih sayang kepada orang lain, terutamanya golongan miskin dan terpinggir. Dia menunjukkan bahawa walaupun dalam keadaan yang sukar, kita boleh menggunakan bakat dan pemberian kita untuk membawa kasih Tuhan kepada orang lain.

Paderi itu juga mengimbas semula tentang Perhimpunan

Pastoral Serantau Semenanjung Malaysia 2024 baru-baru ini di Pusat Majodi, yang memberi tumpuan kepada empat aspek utama Keluarga, Gereja, Ekologi dan Komuniti. Beliau menggalakkan umat beriman untuk berdoa bersama sebagai sebuah keluarga, membaca Firman Tuhan setiap hari, dan menjaga alam sekitar.

Katanya, Gereja memanggil kita untuk meluaskan kasih sayang dan kepedulian kita kepada mereka yang memerlukan, termasuk yang miskin, dan membina hubungan dengan orang dari semua agama. St Martin, melalui kerja-kerja amal dan belas kasihannya, menjadi contoh hidup bagaimana kita juga dipanggil untuk melayani orang lain dan berjalan bersama sebagai Gereja sinodal.

Sahabat Kecil Yesus

ISIKAN JAWABAN YANG BETUL
PADA PETIKAN DI BAWAH.

Mari Mewarna



Pada waktu itu orang akan melihat Anak Manusia datang dalam awan dengan segala kekuasaan dan kemuliaan-Nya (Lukas 21: 27)



= awan



= kekuasaan



= penyelamatanmu



= manusia



= angkatlah



= kemuliaan



Hello adik-adik,

Apa khabar. Pada hari Minggu ini, kita memasuki hari Minggu Adven yang pertama. Adven berasal daripada perkataan adventus dalam bahasa Latin yang bererti kedatangan.

Masa adven merupakan tempoh empat minggu untuk kita mempersiapkan kedatangan dan kelahiran Yesus, Juruselamat kita.

Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu pertama Adven ini, digambarkan Yesus akan datang untuk kali kedua.

Kedatangan Yesus untuk kali kedua ini seperti sesuatu yang menggemparkan di mana ada tanda-tanda pada bulan, bintang dan matahari

malah laut juga bergelora! Sebenarnya petikan hari Minggu ini ditulis dalam gaya kiasan.

Ia sebenarnya menggambarkan kemuliaan dan keagungan Yesus, Tuhan kita yang membawa penyelamatan dan Berita Sukacita!

Adik-adik, antie tahu, antie tidak sabar untuk merayakan hari Krismas.

Namun sebelum itu, mari kita menempuh masa Adven terlebih dahulu untuk mempersiapkan diri kita menyambut Yesus.

Marilah kita mempersiapkan diri kita menyambut kelahiran Yesus dengan berdoa, beramal dan membaca firman-Nya setiap hari!

Salam Adven
Antie Melly

BELIA

Pelajar matrikulasi serta Kem Pengukuhan Iman Belia

TAMPIN: Kem Pengukuhan Pelayanan Belia yang diadakan di Gereja St John Marie Vianney, Tampin, Negeri Sembilan baru-baru ini memberikan pengalaman rohani yang mendalam kepada 35 peserta belia yang disertai pelajar matrikulasi Kuala Pilah, Gemas dan belia dari Tampin.

Kem yang berlangsung pada Nov 1 hingga 3, 2024 berperanan sebagai platform untuk para belia memperdalam pemahaman ajaran Katolik dan mempererat hubungan sesama mereka.

Kem dimulakan dengan sesi pendaftaran dan Misa Kudus. Pada sebelah malam, sesi "Puji Sembah" memberi kesempatan kepada para peserta untuk merasakan hadirat Tuhan melalui pujian, diikuti dengan aktiviti *ice-breaking*.

Pada hari kedua, selepas doa pagi, para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk sesi perbincangan rohani.

Kemudian, sempena Hari para Arwah, para belia berjalan menuju tanah perkuburan untuk menghadiri Misa dan memberi penghormatan kepada arwah.

Sepanjang perjalanan ke tanah perkuburan, mereka mengumpul sampah di sepanjang jalan sebagai tanda kepedulian terhadap alam sekitar.

Aktiviti ini bukan sahaja mengingatkan mereka tentang kehidupan kekal, tetapi juga mengajarkan mereka untuk menjaga ciptaan Tuhan dan berkhidmat dengan penuh kasih kepada dunia.

Brother Charles Boromeo memberikan ceramah yang sangat bermakna mengenai "Panggilan dan Pelayanan dalam Gereja Katolik".

Beliau menekankan bahawa setiap orang yang dibaptis, dipanggil untuk men-



jadi saksi Kristus di dunia ini.

Brother Charles juga mengingatkan para peserta untuk meneladani ketiauan Bonda Maria yang berkata "ya" kepada Tuhan, menyerahkan diri sepenuhnya untuk melaksanakan kehendak-Nya tanpa ragu.

Beliau mendorong para peserta untuk berani mengambil langkah pertama dalam pelayanan dan menjadikan hidup kita sebagai cerminan kasih Kristus yang nyata.

Sesi seterusnya disampaikan oleh Fennedy Finjau tentang "kepentingan advokasi dalam kalangan belia Katolik".

Beliau menekankan bahawa melalui advokasi, belia dapat memperjuangkan isu-isu seperti hak asasi manusia, keadilan sosial dan kesejahteraan komuniti.

Fenaidy mengingatkan bahawa perjuangan untuk keadilan adalah sebahagian daripada panggilan Kristian untuk membawa nilai-nilai Injil ke dalam masyarakat.

Hari ketiga dimulakan dengan doa Rosari dan Misa, diikuti dengan berkat pengutusan, menandakan kesiapan para belia untuk membawa pengalaman dan pembelajaran dari kem ini kembali ke dalam kehidupan mereka.

Fr Albet Arockiasamy, paderi paroki



St John Vianney, berpesan kepada para peserta tentang pesan mendalam Yesus dalam Yohanes 10:10, di mana Yesus mengungkapkan bahawa Dia datang untuk memberikan kehidupan yang penuh dan melimpah bagi kita.

Fr Albet menekankan empat aspek utama yang perlu direnungkan iaitu syahadat, kasih kepada sesama, hukum, dan doa.

Pada hari terakhir kem, Fr Albet membawa para peserta untuk merenung bagaimana kehidupan mereka dalam

ekologi, Gereja, keluarga dan masyarakat.

Katanya, keempat-empat aspek itu saling berkaitan dan merupakan dasar kepada panggilan Kristian kita untuk melayani, mengasihi dan melindungi dunia.

Kem tersebut memberi inspirasi kepada para belia untuk bertumbuh dalam iman dan memperkuuh kesedaran mereka untuk menjadi agen perubahan yang membawa kasih, keprihatinan, dan keadilan Kristus ke dalam masyarakat mereka. **Jennifer Junita Franklin**



Relik Beato Carlo Acutis telah tiba di Keuskupan Agung Seoul di Korea. Beato Carlo Acutis menjadi belia pertama yang tiba di Korea untuk WYD Seoul 2027! Kredit Gambar: Licas News

MENJELANG WYD 2027, SEOUL TERIMA RELIK 'GOD'S INFLUENCER'

SEOUL: Keuskupan Agung Seoul telah menerima relik kelas pertama Beato Carlo Acutis, sebagai salah satu peristiwa penting dalam persiapannya untuk Hari Belia Sedunia (WYD) Seoul 2027.

Relik itu, yang terdiri daripada 16 helai rambut Beato Carlo, telah diserahkan secara rasmi dalam sebuah upacara yang diadakan di pejabat Uskup Agung.

Fr Will Conquer dari Paris Foreign

Missions Society menyampaikan relik itu dengan sijil ketulenan kepada Uskup Agung Peter Soon-taick Chung.

Ketibaan relik Beato remaja yang amat memuja Ekaristi itu, mengingatkan komuniti Katolik Korea Selatan untuk menyedari kehadiran Tuhan dalam Ekaristi. Relik itu dirancang untuk dibawa ke seluruh keuskupan di Korea Selatan semasa Jubli 2025. **Licas News**

Berita ringkas dari Gereja sejagat

1,000 hari penjajahan Rusia terhadap Ukraine

VATIKAN: Dalam surat yang diantar kepada Uskup Agung Visvaldas Kulbokas, nunsio apostolik ke Ukraine, pada November 19, Sri Paus Fransiskus menyatakan kesedihannya yang besar atas perderitaan rakyat Ukraine, yang kini telah mengalami 1,000 hari perang sejak tercetusnya konflik ganas di sana pada tahun 2022.

Surat itu diterbitkan dalam

bahasa Itali oleh *L'Osservatore Romano*. Bercakap kepada wakilnya di "Ukraine yang dikasihi dan terseksa," bahawa beliau ingin "merangkul semua rakyatnya, di mana sahaja mereka berada," dan mengakui kesusaahan melampau yang telah dialami oleh rakyat Ukraine disebabkan "pencerobohan tentera Rusia."

Media Vatikan

Wanita pertama Ukraine, lawat Vatikan

VATIKAN: Memperingati peristiwa suram 1,000 hari sejak pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada Februari 2022, Olena Zelenska, Wanita Pertama Ukraine, berada di Roma di mana beliau bertemu dengan pihak berkuasa.

Olena juga berpeluang mendapatkan pertemuan peribadi den-



Pembaharuan ritus pengebumian Sri Paus

ROMA: Vatikan telah mengemas kini buku liturgi yang mengawal selia upacara pengebumian Sri Paus, memudahkan beberapa ritual atas permintaan Bapa Suci Fransiskus.

Edisi kedua *Ordo Exsequiarum Romani Pontificis* (Tatacara Pengebumian bagi Sri Paus Romawi) ialah semakan versi yang diterbitkan pada 2000 dan digunakan untuk pengebumian Sri Paus Yohanes Paulus II pada 2005 dan Sri Paus Benediktus XVI pada 2023.

Antara perubahan ialah peng-

hapusan penggunaan tiga keranda sifrus, plumbum dan oak.

Ada kemungkinan Bapa Suci yang meninggal dunia dapat dikebumikan di luar basilika Vatikan.

Satu lagi perubahan ialah penghormatan umum sebelum pengebumian akan dilakukan dengan jenazah sudah berada di dalam keranda kayu, bukan di atas 'pendiri' jenazah, seperti yang dilakukan sebelum ini.

Penentuan kematian Sri Paus juga dilakukan di kapel kepausan, bukan di biliknya. **Media Vatikan**

Semua agama harus bekerja untuk keamanan

VATIKAN: Dalam dunia kita yang "berpecah belah dan diburukkan lagi oleh kebencian, permusuhan, perang dan ancaman konflik nuklear," Sri Paus Fransiskus menyeru kepada semua umat beriman "untuk berdoa dan bekerja untuk dialog, perdamaian, keamanan, keselamatan dan pembangunan yang integral seluruh umat manusia."

Sri Paus Fransiskus menyampaikan pesan ini kepada peserta

Kolokium XII yang dianjurkan oleh Dikasteri untuk Dialog Antara Agama dan Pusat Dialog Antara Agama & Antara Budaya" Tehran.

Bapa Suci berkenan dengan tema pendidikan yang dipilih oleh Kolokium itu.

Katanya, "Komitmen terhadap keamanan yang kita tunjukkan bersama akan menjadikan kita boleh dipercayai di mata dunia, lebih-lebih lagi kepada generasi akan datang." **Media Vatikan**

'Harapan Tidak Pernah Mengecewakan' buku terbaharu tentang Bapa Suci untuk Tahun Jubli 2025

VATIKAN: Pengarang buku berdasarkan wawancara dengan Sri Paus Fransiskus menulis pandangan Bapa Suci tentang harapan Kristian, migrasi dan konflik Israel-Hamas.

Diterbitkan menjelang Tahun Jubli 2025, "Hope Never Disappoints: Pilgrims Towards a Better World" (Harapan Tidak Pernah Mengecewakan: Ziarah Ke arah Dunia yang lebih baik) memfokuskan pada pandangan Sri Paus tentang isu

kontemporari daripada keluarga dan teknologi baharu kepada perubahan iklim dan keamanan.

Buku itu dikeluarkan pada November 19 di Itali, Sepanyol dan Amerika Latin oleh Penerbit *Edizioni Piemme* — dan pada tarikh yang ditentukan kelak untuk bahasa lain — ditulis oleh wartawan Hernán Reyes Alcaide, ditulis sempena Tahun Jubli 2025, yang dijadualkan bermula pada Malam Krismas. **CNA**



Keluarga, Gereja, Negara wujud kerana kanak-kanak

VATIKAN: Dalam Kirografinya, Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa status sosial kanak-kanak telah banyak berubah sepanjang sejarah manusia.

"Pada zaman Yesus, kanak-kanak tidak dipandang tinggi," katanya. Mereka dianggap "belum matang" oleh para rabbi.

Dalam menjelaskan tentang misteri kerajaan Tuhan, Yesus, mengubah mentaliti ini dan menggesa murid-murid-Nya sendiri untuk meniru kanak-kanak yang penuh ketakjuban dalam menjalani kehidupan.

"Yesus menyeru murid-murid-Nya untuk bertumbuh dalam kepercayaan, keajaiban, dan ketakjuban — sifat-sifat yang sering terhakis dalam diri manusia menuju kedewasaan."

Memandangkan kanak-kanak telah ditebus oleh Darah Kristus, mereka juga mempunyai nilai yang wujud dalam peringkat kehidupan mereka sekarang, bukan sahaja untuk apa yang akan mereka sumbangkan kepada Gereja dan masyarakat pada masa hadapan

apabila mereka menjadi dewasa." Tegasnya, "Keluarga, Gereja dan Negara wujud untuk kanak-kanak, bukan sebaliknya."

"Sejak lahir, setiap manusia adalah subjek hak yang tidak boleh dicemari, tidak boleh dicabul, dan sejagat."

Menjaga kanak-kanak adalah 'tugas dan ungkapan amal' ujar Sri Paus kemudian menggesa Gereja untuk menyuarakan hak kanak-kanak sebagai tugasnya dan sebagai ungkapan amal.

Kanak-kanak, katanya, mempunyai keperluan dan hak "untuk diiktiraf, dialu-alukan, dan difahami oleh ibu, bapa, dan keluarga mereka.

Mereka berhak untuk mendapat kepercayaan; dikelilingi oleh kasih sayang dan keselamatan emosi.

Sama ada mereka tinggal bersama ibu bapa mereka atau tidak, mereka berhak mengetahui identiti mereka; mempunyai nama, keluarga dan kewarganegaraan, dihormati, menikmati kestabilan emosi dalam hidup dan pendidi-

kan mereka."

"Hari Kanak-Kanak Sedunia," menurut Bapa Suci, menawarkan peluang untuk meletakkan kanak-kanak sebagai pusat tindakan pastoral Gereja dan menyatakan keuskupan di seluruh dunia untuk mengiktiraf kepentingan kanak-kanak.

Bapa Suci juga berkata, Hari Sedunia membantu kanak-kanak untuk "mengenal, mengasihi dan melayani Tuhan Kita Yesus Kristus dalam peranan-Nya sebagai Rakan dan Gembala Baik dan untuk menguatkan akar iman mereka dalam tradisi anak-anak kudus sebagai warisan rohani."

Kesimpulannya, Bapa Suci berkata Jawatankuasa Kepausan untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia akan memastikan acara tahunan itu tidak menjadi acara terpencil.

Hari Kanak-Kanak Sedunia harus menjadi usaha berterusan untuk memastikan bahawa "penjagaan pastoral untuk kanak-kanak semakin menjadi keutamaan yang layak dari segi penginjilan dan pedagogi". **Media Vatikan**

CBCI anjur seminar kesihatan mental di kalangan klerus dan religius

BANGALORE, India: Konferensi para Uskup Katolik India (CBCI), melalui Pejabat Penjagaan Kesihatannya, telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Mental Katolik (CMHM) untuk mengadakan seminar dua hari tentang menangani isu kesihatan mental di kalangan paderi dan pemimpin agama.

Seminar yang bertema "Memupuk Kesihatan Mental Positif dalam Kehidupan Religius, Imamat dan Pelayanan," telah berlangsung pada November 26-27, di Nirjhari, Bangalore.

Inisiatif ini bertujuan memberi penerangan tentang peningkatan kelaziman cabaran kesihatan mental dan kesannya terhadap klerus dan religius.

Acara itu menampilkan perbincan-

gan tentang mengenal pasti gangguan kesihatan mental, memahami faktor risiko, campur tangan yang berkesan dan memupuk budaya yang menggalakkan tingkah laku mencari bantuan.

Sesi latihan mengenai literasi dan bimbingan kesihatan mental turut diadakan.

Penceramah termasuklah tokoh terkemuka seperti Uskup Agung Peter Machado dari Bangalore; Uskup Agung Thomas Tharayil dari Changanassery dan Penasihat Ecclesiastical untuk CMHM India; Fr Santhosh Dias, Setiausaha Kebangsaan Komisi CBCI untuk Penjagaan Kesihatan; Sr Dr Joan Chunkapura MMS, Setiausaha Kebangsaan CMHM India; dan pakar psikiatri daripada institusi

yang terkenal seperti Hospital Kolej Perubatan St John dan Hospital Stella Maris.

Cabarani kesihatan mental selainnya mewujudkan halangan bagi religius dan paderi untuk mencari pemenuhan rohani dan peribadi yang lebih mendalam.

Gereja Katolik India berkata ia mengakui perjuangan senyap para paderi dan pemimpin agama yang bergelut dengan isu ini.

Dalam bukunya, Kristian di India, Fr Paul Parathazham menggariskan kepentingan untuk mengintegrasikan kesihatan mental ke dalam kehidupan religius dan imamat seraya menyatakan, "Ini adalah kerana semua usaha nampaknya tertumpu pada pembinaan struktur rohani tanpa perhatian yang mencukupi kepada struktur asas manusia."

Beliau menekankan keperluan untuk memupuk minda yang sihat demi mengekalkan kerohanian Kristian yang sejati. CBCI dan CMHM menyerau para klerus dan religius agar mengutamakan kesejahteraan mental mereka sambil mengekalkan komitmen rohani mereka. **LiCAS News**



AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS

ROMA: Semasa meneruskan siri katekisisnya tentang "Roh dan Pengantin," Sri Paus Fransiskus memulakan refleksinya semasa Audiensi Umumnya pada hari Rabu, 20 November, dengan menjemput umat beriman untuk merenungkan karisma: karunia Roh yang pelbagai dan unik.

Memetik pembacaan pada hari tersebut yang diambil dari kata-kata Sto Paulus kepada jemaat Korintus, Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa Roh memberikan karunia yang berbeza kepada orang yang berbeza.

Namun, katanya, semua tujuan ini adalah satu iaitu: melayani masyarakat dan Tuhan.

"Setiap individu, diberikan bakat yang membawa pelbagai manfaat," katanya, sambil menambah bahawa karunia ini bukanlah keistimewaan peribadi tetapi harta yang dimaksudkan untuk memperkaya Gereja secara keseluruhan.

Sri Paus Fransiskus menekankan dua elemen utama yang mentakrifkan karisma. Pertama, mereka diberikan karisma "untuk kebaikan bersama", bertujuan bukan sahaja untuk penyucian peribadi tetapi juga untuk membina Gereja.

Kedua: ia dianugerahkan secara unik dan disesuaikan kepada individu mengikut kehendak Roh.

Ini, membezakan karisma daripada sakramen dan kebajikan, yang dikongsi secara universal di kalangan umat beriman.

"Karisma adalah 'permata' atau perhiasan yang diedarkan Roh Kudus untuk menjadikan Pengantin Kristus lebih cantik", katanya.

Karisma mempromosi peranan wanita

Meneruskan refleksinya tentang kepentingan karisma, Sri Paus menekankan bagaimana penemuan semula karisma memastikan bahawa promosi kaum awam, khususnya, wanita "difahami bukan sahaja sebagai fakta institusi dan sosiologi, tetapi



jugalah dalam dimensi alkitabiah dan rohani. Orang awam bukan sekadar kolaborator atau pasukan bantuan untuk paderi tetapi mempunyai karisma dan bakat tersendiri," tegasnya.

Mengakhiri katekesisnya, Sangt Papa menyatakan hasratnya untuk menjelaskan sebarang salah faham berikut: Beliau mengakui bahawa "ramai orang Kristian, apabila mereka mendengar ceramah tentang karisma, mengalami kesedihan dan kekecewaan, kerana mereka yakin bahawa mereka tidak memiliki apa-apa dan merasakan mereka dikecualikan atau mereka adalah orang Kristian kelas kedua."


Tetapi, jelasnya, "karisma tidak terhad kepada manifestasi yang luar biasa atau menakjubkan, sebaliknya, ia selalunya

merupakan hadiah biasa yang diselitkan dengan nilai luar biasa apabila diilhamkan oleh cinta dan Roh.

Bapa Suci meyakinkan bahawa mereka yang merasakan mereka kekurangan karisma, bahawa mereka tidak dikecualikan. Sri Paus memetik St Augustine, yang berkata, "Amal melipatgandakan karisma; ia menjadikan karisma seseorang sebagai karisma bagi semua."

Sri Paus Fransiskus menyimpulkan bahawa amal ialah "cara yang sangat baik," yang membolehkan semua karisma dikongsi dalam kesatuan Gereja. "Kebajikan membuat kita mencintai Gereja dan dalam kesatuan, semua karisma menjadi berkat dan milik kita semua."

Media Vatikan

**Darah Yesus yang berkuasa**

nan dosa, menurut kekayaan kasih karunia-Nya," — Efesus 1:7

Darah Yesus menghapuskan dosa kita sepenuhnya. Dia membenarkan kita berdiri di hadapan takhta pengadilan Tuhan bukan sebagai terikut tetapi sebagai anak yang diampuni dan dikasihi.

Ia membebaskan kita daripada kegelapan

"Sebab kamu telah dibeli dan harganya telah lunas dibayar: Karena itu muliakanlah Tuhan dengan tubuhmu!" — Korintus 6:20.

Darah Yesus telah membayar harga tertinggi untuk membebaskan kita daripada kuasa dosa dan kematian.

Oleh itu, kita telah dipindahkan dari kerajaan kegelapan kepada kerajaan terang keimianan Tuhan

Membersihkan Kita daripada Segala Kemungkar

"Darah Yesus, Putera-Nya, menyucikan kita dari segala dosa." — 1 Yohanes 1:7

Dosa menodai hati kita, tetapi darah Yesus dapat membersihkan dan memulihkan kita kepada kesempurnaan.

Tidak kira sejauh mana anda telah pergi, darah-Nya membawa anda kembali ke pangkuhan Bapa.

Ia meletakkan kita dalam Perjanjian dengan Tuhan

"Cawan ini adalah perjanjian baharu oleh darah-Ku, yang ditumpahkan bagi kamu"

Cawan ini adalah perjanjian baharu dalam darah-Ku, yang ditumpahkan untuk kamu." — Lukas 22:20.

Dalam darah Yesus, kita memasuki perjanjian dengan Tuhan — janji yang mengikat tentang kesetiaan, kasih, dan persediaan-Nya untuk keabadian.

Kemenangan ke atas musuh

"Mereka mengalahkan dia oleh darah Anak Domba dan oleh perkataan kesaksian mereka." — Wahyu 12:11

Darah Yesus adalah senjata utama kita melawan tipu daya syaitan, memberikan kita hak untuk mengatasi godaan, ketakutan dan setiap serangan rohani.

Kerana Ia Membawa Damai dengan Tuhan

"Dan mereka mengalahkan dia oleh darah Anak Domba, dan oleh perkataan kesaksian mereka. Kerana mereka tidak mengasihinya nyawa mereka sampai ke dalam maut." — Kolose 1:20.

Melalui darah Yesus, kita tidak lagi bermusuhan dengan Tuhan tetapi telah didamaikan melalui Kristus, dan kita boleh hidup dalam damai dan keintiman dengan Tuhan.

Ia Menyembuhkan Luka Kita—Secara Fizikal dan Rohani

"Oleh bilur-bilur-Nya kita menjadi sembah."

— Yesaya 53:5. Darah-Nya menyembuhkan tubuh yang sakit dan memulihkan hati, fikiran, dan roh yang terluka, membawa keutuhan kepada setiap bidang kehidupan.

Aleteia

PENULIS BERKICAU

Penampakan Maria

Penampakan Yesus dan Bonda-Nya adalah sebahagian daripada warisan Katolik akhir zaman dan menjadi inspirasi ramai orang. Patutkah kita mengambil serius pesan-pesan penampakan itu? Sebagai "wahyu peribadi" adakah ia dimaksudkan untuk seluruh Gereja? Lagipun pejabat rasmi Vatikan sentiasa berhati-hati, menangguhkan kenyataan mengenai kesahihan acara sedemikian selama yang boleh.

Tetapi ketakwaan umat selalunya tidak dapat disekat. Semua tempat suci Maria yang hebat yang kita ketahui hari ini - Fatima, Lourdes, Guadalupe, Velankanni, Aparacida – popular kerana devosi-devosion yang terjawab.

Doa-doa yang popular adalah komitmen umat sepenuhnya terhadap kehadiran ajaib Bonda Ilahi. Bagi pengikut Katolik biasa, ini adalah soal hati,

seperti penampakan yang lain, penampakan "Santa Perawan Maria di Fatima" dilihat oleh kanak-kanak. Bonda Maria meminta mereka "banyak berdoa, berdoa bersungguh-sungguh untuk para pendosa kerana banyak jiwa yang binasa di neraka disebabkan tiada siapa yang berdoa atau berkurban untuk mereka."

Lebih-lebih lagi, selama enam bulan antara Mei dan Oktober 1917, pesan itu menyimpan "tiga rahsia":

Rahsia pertama ialah penglihatan neraka, yang dilihat oleh kanak-kanak pada Julai 11, 1917.

Rahsia kedua ialah pesan untuk memulakan devosi kepada Hati Maria yang Tak Bernoda demi menyelamatkan jiwa dan membawa kedamaian kepada dunia. Pesan itu juga meramalkan Perang Besar akan berakhir tetapi sesuatu yang lebih buruk akan berlaku jika orang tidak berhenti menyenggung perasaan Tuhan.

Rahsia ketiga, yang ditulis Lucia, diminta untuk dibuka pada tahun 1960, "kerana Perawan Terberkati menghendakinya".

Rahsia ketiga itu memberi gambaran "...seorang uskup berpakaian putih — yang kemungkinan besar merujuk kepada Bapa Suci — bersama uskup, dan religius lelaki dan wanita, sedang mendaki gunung yang curam, di atasnya terdapat salib besar ...Namun setelah sampai di puncak gunung, ketika berlutut di kaki salib besar, dia dibunuh oleh sekumpulan askar yang melepaskan peluru dan anak panah ke arahnya..."

Percubaan membunuh Sri Paus Yohanes Paulus II pada 1983 dilihat menjadi sebahagian daripada rahsia ini. Vatikan tidak menerbitkan rahsia ketiga, sehingga pada Jun 26, 2000.

Apakah kesan devosi Maria di Fatima terhadap kehidupan umat Katolik? Terlalu banyak. Sebelum Konsili Vatikan II, "tiga Salam Maria" didoakan pada akhir Misa setiap hari untuk pertobatan Rusia.

Mungkin ada juga yang bertanya, mengapa kebanyakan penampakan Bonda Maria ini dialami oleh kanak-kanak dan wanita? Banyak penjelasan telah diberikan tetapi sudah pasti, selama berabad-abad wanita dan kanak-kanak telah dilihat sebagai "yang paling kecil", "orang luar" berbanding kuasa dan pengaruh yang dipegang sepenuhnya oleh lelaki dalam Gereja Katolik.

Wanita dan kanak-kanak adalah golongan yang merendahkan hati, patuh dan memberi sokongan. Seperti yang kita tahu, lelaki — khususnya klerus — keberatan untuk berkongsi kuasa dengan wanita.

UCA News

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498

UNTUK PENZIARAH HARAPAN.

Marilah kita berdoa agar Jubli ini menguatkan iman kita, membantu kita mengenali Kristus yang Bangkit di tengah-tengah kehidupan kita, mengubah kita menjadi penziarah harapan Kristus.

Disember 1, 2024



Permohonan Sokongan:

Inisiatif Pengumpulan Dana KASIH 2024

KEPADA:
Semua Paderi, Rektor dan
Pentadbir Paroki,
November 15, 2024

Salam damai kasih Yesus Kristus,

Dalam kita terus menghayati prinsip panduan dari “Lakukan segala-galanya dalam kasih” (1 Korintus 16:14), dengan penuh sukacita kami membawakan Inisiatif Pengumpulan Dana untuk KASIH 2024. Usaha ini yang diterajui oleh Persidangan Uskup-Uskup Malaysia, menyokong misi sosial Gereja melalui Pembangunan Manusia secara Integral dalam kerja-kerja Caritas Malaysia, Komisi Episkopal Penjagaan Pastoral untuk Migran dan Perantau serta Komisi Episkopal Keadilan Ciptaan Tuhan.

Visi dan Misi Kami

Inisiatif KASIH bertujuan untuk memupuk keadilan dan keamanan, memajukan martabat setiap individu, menjaga ciptaan Tuhan, dan menyokong golongan yang terpinggir, termasuk migran, dan pelarian.

Pungutan khas di seluruh negara

Kami mengajak komuniti di paroki anda untuk mengambil bahagian dalam pungutan khas di seluruh negara pada **Minggu Kedua Adven, 7 dan 8 Disember 2024**, semasa pungutan kedua dalam Misa Kudus.

Peranan Anda dalam misi ini

Sebagai paderi dan pentadbir paroki, anda memainkan peranan penting dalam menggalakkan umat di paroki anda untuk menderma dengan penuh kemurahan hati dalam menyokong tujuan ini.

Dana yang dikumpulkan melalui KASIH akan digunakan sebagai bantuan secara langsung, dalam pendidikan, dalam bentuk sokongan, untuk latihan, dalam operasi infrastruktur dan juga segala tindakan Gereja dalam menangani keperluan sosial yang sentiasa timbul.

Penyerahan Dana

Kami memohon agar dana yang telah dikumpulkan, dihantar ke pejabat keuskupan masing-masing ataupun dengan menyerahkan sumbangan ini mengikut protokol keuskupan yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan proses penyelaras dan pengurusan dana yang lebih lancar.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan kami di info@caritas.org.my.

Sokongan anda yang tidak berbelah bagi akan memastikan kejayaan misi KASIH untuk membawa harapan, belas kasihan, dan transformasi kepada mereka yang memerlukan.

Semoga kasih Yesus Kristus sentiasa memberikan inspirasi kepada kita untuk terus bekerjasama demi masa depan yang lebih adil, aman, dan lestari.

Yang Melayani dengan
Kerendahan Hati

Bersama-sama
membina Kerajaan-Nya

Uskup Rt Rev Joseph Hii D.D.
Presiden,

+Uskup Rt Rev Bernard Paul
D.D. Presiden,

Komisi Episkopal Keadilan
Ciptaan Tuhan

Caritas Malaysia & Komisi
Episkopal Penjagaan Pastoral
Migran dan Perantau

Sr Dorothy Laudi FSIC diberi Anugerah Muhibah

KOTA MARUDU: Seorang biarawati Fransiskan yang mendedikasikan hidupnya untuk pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak kurang berkemampuan di pedalaman Sabah telah dianugerahkan Anugerah Muhibah Kelab Akbar Kebangsaan-MACROKIOSK bagi bulan Oktober.

Tujuh pengarang media yang merupakan panel hakim bagi anugerah ini sebutlah suara memilih Sr Dorothy Amalia Laudi FSIC atas dedikasinya yang mengagumkan dalam menyediakan pendidikan prasekolah di kawasan pedalaman dengan menguruskan 12 tadika di Paitan, Sandakan dan Pensiangan, Nabawan.

Dikenali sebagai ‘biarawati berjiwa besar’, Sr Dorothy daripada kongregasi *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC) menerima anugerah itu daripada Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup yang juga merupakan Ahli Parlimen Pensiangan.

“Sebagai Ahli Parlimen Pensiangan, saya memahami cabaran dihadapi masyarakat di pedalaman, dan usaha beliau dalam menyediakan pendidikan prasekolah di kawasan terpinggir adalah amat mengagumkan.

“Pengiktirafan oleh NPC dan MACROKIOSK ini menekankan pentingnya menyokong inisiatif yang mampu memutuskan kitaran kemiskinan dan memberi harapan kepada keluarga yang memerlukan,” kata Datuk Arthur. Sr Dorothy mengucapkan rasa terima kasih kepada NPC dan MACROKIOSK atas pengiktirafan terhadap usahanya.

“Saya amat terharu dengan penghargaan ini dan bersyukur kepada



Sr Dorothy Laudi bersama kanak-kanak asrama di Paitan, Sandakan.

Tuhan atas rahmat-Nya.

Saya akan terus berjuang untuk mendidik golongan termiskin di pedalaman Sabah. Inilah makna sebenar semangat muhibah bagi saya.”

Sr Dorothy, dari Tambunan Sabah, mendapat Ijazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak dari *Edith Cowan University* di Perth, Australia pada tahun 2005.

Kini, beliau mengendalikan 12 buah tadika, iaitu lapan di Paitan dan satu di Kota Marudu, Tambunan, Keningau dan Pensiangan.

Tadika-tadika ini tidak mengenakan sebarang yuran.

Dana yang digunakan untuk bayaran gaji para guru, peralatan sekolah dan kos pengangkutan bot pelajar diperoleh sepenuhnya melalui sumbangan.

Bagi mengumpulkan dana yang cukup, beliau sentiasa ‘memohon’ bantuan, demi memastikan anak-anak ini dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

“Separuh daripada tenaga pengajar saya dihantar ke kolej

untuk mendapatkan persijilan sebagai guru tadika dan kesemua mereka telah berdaftar dengan Jabatan Pendidikan.

Beliau berharap lebih banyak komuniti dapat membantu dalam usaha menubuhkan pusat pendidikan awal di kawasan pedalaman.

Beliau menjelaskan bahawa kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak pedalaman bukan sahaja disebabkan oleh cabaran logistik, tetapi juga kerana mereka sering menghadapi kesukaran mengikuti silibus pembelajaran akibat kekurangan pendidikan awal sebelum memasuki alam persekolahan.

“Kebanyakan kanak-kanak ini datang dari keluarga yang sangat miskin. Mereka yang ingin memberi sumbangan bolehlah menderma kepada Dana Pendidikan Kanak-Kanak Miskin FSIC melalui akaun Maybank 510143082167, atau menghubungi beliau di talian +6016-803 0237 untuk maklumat lanjut. Dari pelbagai sumber berita tempatan



Promosi panggilan di St Theresa, Serian

panggilan kepada kehidupan kepadieran, religius dan katekis.

Pada ceramah pertama, Katekis Royston dijemput untuk berkongsi mengenai “Apa itu Katekis” diikuti perkongsian daripada Katekis Vincent Jude tentang pengalaman

beliau menyahut panggilan sebagai seorang katekis.

Program itu diakhiri dengan perkongsian daripada Sr Genevieve, SSFS dan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Robert Jissem. **Sumber Today's Catholic**

SERIAN: Kumpulan Mempromosi Panggilan Keuskupan Agung Kuching menganjurkan “Saat Teduh Untuk Panggilan” di Gereja St Theresa, Serian baru-baru ini. Saat Teduh itu disertai ramai umat khususnya belia dari Serian dan St Ann Kota Padawan yang bertujuan untuk berdoa untuk panggilan.

Promosi panggilan di Kg Mentung Mara-U

Kemudian, Kumpulan Panggilan St Theresa Serian mengadakan Program Hujung Minggu Panggilan yang bertempat di Kg Mentung Mara-U selama dua hari.

Pengisian program dalam program hujung minggu itu adalah memberi penerangan tentang